

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A 2016/12/106 (HQ)**

### **KERJA-KERJA DI PMU BUKIT BADONG SIAP MENGIKUT JADUAL**

Kerja-kerja senggaraan (preventive maintenance) dan pemasangan sistem perlindungan arka (arc protection) Pencawang Masuk Utama (PMU) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Bukit Badong selesai dalam tempoh 16 jam seperti dirancang.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman berkata selepas pemeriksaan menyeluruh dibuat, PMU di Kuala Selangor itu diaktifkan dan dimulatugas seperti dijadualkan.

Loji-loji rawatan air yang tidak dapat dibekalkan elektrik kerana ketidak serasian dengan voltan set janakuasa bergerak pula, mula menerima bekalan sepenuhnya dari PMU jam 12:35 pagi.

Untuk penduduk sekitar PMU, bekalan elektrik tidak terjejas kerana elektrik dapat disalurkan menerusi 28 set janakuasa bergerak, kata Roslan.

Menurutnya seramai 120 warga kerja terlibat bagi memastikan kerja-kerja dapat dilakukan dengan teratur, cermat dan selamat.

PMU tersebut dihentitugas mulai jam 8 pagi pada hari Isnin bagi membolehkan kerja-kerja dilaksanakan demi kepentingan pelanggan/pengguna dan kelangsungan bekalan air.

Kerja-kerja tersebut tidak dapat ditangguhkan lagi kerana risiko yang besar kepada bekalan elektrik dalam tempoh yang lama jika flashover (percikan arka) berlaku.

Ketika kerja-kerja senggaraan dibuat semalam, tiga lagi titik panas ditemui menjadikan keseluruhannya lima titik panas yang dikesan pada peralatan PMU akibat penangguhan tersebut.

"TNB mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Tenaga (ST), Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), pihak pengurusan loji rawatan air dan para pengguna kerana memahami keperluan segera untuk meneruskan kerja-kerja senggaraan," kata Roslan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 20 Disember 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*